

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN PERASMIAN MUTIARA HOTEL & RESORTS
DI MUTIARA HOTEL
13 APRIL 2001

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Mulia Tunku Shahrman dan pihak PERNAS kerana telah sudi menjemput saya dan isteri saya ke majlis yang bersejarah ini, iaitu majlis perasmian Mutiara Hotels and Resorts atau dahulunya lebih dikenali sebagai Hilton Hotel.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PERNAS yang diterajui oleh YM Tunku Shahrman yang telah mengambil langkah berani untuk mentadbir sepenuhnya rangkaian Mutiara Hotels and Resorts. Ini satu pencapaian yang membanggakan kita semua. Saya ucapkan syabas dan saya berharap rangkaian Mutiara Hotels and Resorts ini dapat meningkatkan lagi servis, kemudahan serta layanan ke tahap yang lebih tinggi lagi sesuai dengan nama barunya itu. Kerajaan mahu melihat hotel ini mempamerkan satu standard servis yang benar-benar bercirikan budaya Malaysia.

3. Sebenarnya hotel ini terutamanya dewan Nirwana ini mempunyai sejarahnya tersendiri dan amat nostalgia bagi saya dan juga kepada seluruh ahli UMNO. Di dewan yang indah inilah Persidangan Tahunan Perwakilan UMNO diadakan. Di dewan inilah Presiden UMNO membuat ucapan dasar parti, di dewan inilah perwakilan berbahas mengenai pelbagai isu dan di dewan inilah juga perwakilan mengundi untuk memilih Presiden parti dan ahli Majlis Tertingginya. Tidak silap saya di dewan ini jugalah saya buat pertama kalinya menang kerusi Majlis Tertinggi UMNO dan kemudian dipilih menjadi Naib Presiden UMNO. Jadi hotel ini dan dewan Nirwana ini adalah sejarah bagi saya dan amat nostalgia sekali.

4. Usaha yang dijalankan oleh pihak PERNAS tentu sekali membantu usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan di negara ini. Kita telah mengenal pasti industri pelancongan sebagai pendorong utama bagi pertumbuhan sektor perkhidmatan dalam tempoh RRJP 3. Kita meramalkan ketibaan pelancongan akan bertambah pada kadar purata 7.5 peratus setahun.

5. Dalam hubungan ini kita akan memastikan supaya pelancong ini tinggal lebih lama di Malaysia, berbelanja lebih banyak serta membuat lawatan ulangan. Bagi memastikan ia berjaya maka semua pihak - pengusaha hotel, syarikat penerbangan, ejen pelancongan dan Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia - hendaklah bekerjasama secara bersepadu dalam melaksana program-program pelancongan. Kerjasama secara smart partnership mestilah dijadikan terasnya.

6. Di samping itu kerajaan juga akan terus memberi penekanan pelancongan ekologi, pelancongan desa, pelancongan berbentuk asas-asas pendidikan, kesihatan, kebudayaan dan warisan, pelayaran, sukan dan rekreasi serta terus memperkenalkan negara ini sebagai pusat persidangan, konvensyen dan pameran antarabangsa atau MICE. Bagi memberi keselesaan kepada pelancong untuk membuat pilihan penginapan sebanyak 88 buah hotel baru telah siap dibina pada tahun 2000. Kerajaan juga berterima kasih kepada pengusaha hotel yang telah membuat promosi yang agresif serta menawarkan harga yang menarik telah turut membantu meningkatkan kemasukan pelancongan ke negara ini.

7. Bagaimanapun, kerajaan berharap pihak hotel tidak melupakan pula pelancong domestik. Pelancongan dalam negeri seharusnya menjadi asas pertumbuhan industri pelancongan. Kita perlu memberi perhatian kepada pelancongan dalam negeri kerana kita mesti mengambil kira tentang pergerakan pelancong luar negara yang mungkin tidak dapat datang atau pergerakan mereka terbatas kerana ancaman peperangan, kemerosotan ekonomi serta pendapatan yang menyekat keupayaan mereka untuk melancong. Kita sendiri telah melihat apabila berlaku krisis kewangan serantau, banyak hotel terpaksa mengurangkan pekerjaannya akibat kekurangan pelancong. Oleh itu pihak hotel hendaklah menawarkan pakej percutian berinovatif pada harga yang berpatutan kepada pelancong tempatan. Sebolehnya mengadakan kadar bayaran dan taraf penginapan yang berlainan harganya. Kita perlu memahami bahawa kebiasaan pelancong asing terdiri daripada mereka yang berpendapatan tinggi berbanding pelancong tempatan yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat.

8. Itu jugalah tujuannya apabila kerajaan memperkenalkan cuti pertama dan ketiga pada setiap bulan kepada kakitangannya supaya mereka mengambil kesempatan bercuti itu untuk melancong untuk mengenali negaranya sendiri dengan lebih dekat. Ini secara langsung dapat meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat Malaysia. Seperkara yang perlu saya sebutkan di sini ialah tentang layanan yang diberikan kepada pelancong tempatan. Saya berharap layanan yang sama rata hendaklah juga diberikan kepada pelancong tempatan. Saya terpaksa sebutkan perkara ini kerana saya ada menerima aduan tentang adanya hotel yang memberi layanan yang berbeza-beza antara pelancong tempatan dan luar negeri. Begitu juga saya menyeru pihak hotel supaya dapat menghentikan budaya menerima tips ini. Budaya ini hendaklah dihapuskan kerana saya bimbang apabila adanya pelanggan yang tidak dapat memberi tips, maka pekerja tersebut akan menunjukkan muka yang masam kepada pelanggannya. Ini tidak baik kerana masyarakat negara ini dikenali dengan sifat lemah lembut dan mesra.

9. Kejayaan sektor ini banyak bergantung sejauh mana pihak swasta dapat menyahut sepenuhnya peluang yang disediakan oleh kerajaan. Kita perlu sepakat dan sehaluan dalam segala tindakan yang hendak diambil. Pengusaha hotel, misalnya, selain dari meraih keuntungan jangan pula bertindak sewenang-wenangnya menaikkan harga hanya semata-mata kerana permintaan yang terlalu tinggi. Kita akan hanya dapat pelanggan sekali itu sahaja dan kita tidak akan berpeluang lagi untuk menarik mereka kembali menginap di hotel kita. Dan mungkin kawan-kawan mereka akan menjauhkan diri untuk menginap di hotel kita. Jika ini pendekatan kita, saya percaya ini tidak dapat menolong memajukan industri pelancongan. Bagaimanapun saya gembira semua pihak telah memberikan kerjasama mereka. Sama-samalah kita menjaga imej negara kita demi faedah jangka panjang.

10. Saya difahamkan PERNAS masih meneruskan kerjasama dan menjalinkan satu business partnership dengan jenama hotel Hilton untuk menampilkan satu taraf penginapan hotel yang mempunyai status dan standard layanan, kemudahan serta servis yang berkualiti di kalangan komuniti `business leisure' antarabangsa. Kerajaan berbangga dengan langkah PERNAS ini dan ia merupakan satu tindakan yang bijak yang harus diteladani oleh pengusaha hotel tempatan yang lain. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada Mutiara Hotels & Resort yang telah berganding bahu dengan Enrich - Malaysia Airlines untuk memberi insentif atau ganjaran kepada `frequent travellers'nya. Ini satu insentif yang cukup baik bagi menggalakkan rakyat negara ini menggunakan penerbangan MAS.

11. Pada malam yang penuh nostalgia ini, saya dan pasti juga saudara-saudari yang berada di dalam Dewan Nirwana ini boleh mengimbas kembali masa-masa yang lalu sebagai hotel pertama yang bertaraf antarabangsa apabila ia memulakan perniagaannya 30 tahun yang lalu. Pada hari ini, bangunan hotel Hilton Kuala Lumpur sekarang sudah bertukar corak sebagai sebutir Mutiara yang terserlah dengan identitinya yang tersendiri. Saya pasti pihak PERNAS akan menunjukkan kepada kita semua serta pengunjung dari dalam dan luar negeri satu legacy hotel antarabangsa yang pertama di Malaysia yang beridentitikan suatu tradisi servis yang unik serta layanan yang bercirikan ke Malaysiaan.

12. Saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas kepada PERNAS dan anak syarikatnya, PERNAS hotel management Sdn Bhd kerana mengambil langkah berani dan begitu mencabar ini. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya melancarkan jenama Mutiara Hotels & Resort, dan Mutiara Kuala Lumpur.

Terima kasih.